

Frequently Asked Question (FAQs)
RHB Flood Relief Assistance Programme
Soalan Lazim
Program Bantuan Mangsa Banjir RHB

For Individual Customers / Untuk Pelanggan Individu

<p>What is RHB Flood Relief Assistance Programme (RHB FRAP)?</p> <p><i>Apakah Program Bantuan Mangsa Banjir RHB (RHB FRAP)?</i></p>	<p>This programme provides short-term financial relief to individual customers impacted by floods, including deferment of payments for loans, financing, and credit facilities.</p> <p><i>Program ini menyediakan bantuan kewangan jangka pendek kepada pelanggan individu yang terjejas akibat banjir, termasuk penangguhan pembayaran untuk pinjaman, pembiayaan, dan kemudahan kredit.</i></p>
<p>What is the objective?</p> <p><i>Apakah objektif program ini?</i></p>	<p>The aim is to provide short-term financial relief to affected customers. Please note that while this relief eases immediate financial pressure, it may result in higher overall financing costs.</p> <p><i>Tujuannya adalah untuk memberikan bantuan kewangan jangka pendek kepada pelanggan yang terjejas. Walau bagaimanapun, sila ambil maklum bahawa bantuan ini mungkin menyebabkan kos pembiayaan keseluruhan yang lebih tinggi.</i></p>
<p>Who is eligible for the RHB Flood Relief Programme?</p> <p><i>Siapakah yang layak untuk Program Bantuan Mangsa Banjir RHB?</i></p>	<p>You are eligible if you are an RHB customer with any of the following facilities:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mortgage / ASB Loan/Financing / Term Financing-i • Hire Purchase / Personal Loan / Financing-i • Credit Card/-i • ATM / Debit Card/-i <p><i>Anda layak jika anda adalah pelanggan RHB dengan mana-mana kemudahan berikut:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Pinjaman/Pembiayaan Perumahan / Pinjaman/Pembiayaan ASB / Pembiayaan Berjangka-i</i> • <i>Sewa Beli / Pinjaman Peribadi / Pembiayaan-i</i> • <i>Kad Kredit/-i</i> • <i>Kad ATM / Debit/-i</i>

<p>What does the plan offer?</p>	<p>The RHB Flood Relief Assistance Plan provides the following tailored support to individual customers affected by the floods in Malaysia and who hold any of the following facilities with RHB Bank Berhad or RHB Islamic Bank Berhad (each, a "Facility"):</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Mortgage and ASB Loan/Financing / Term Financing-i <ul style="list-style-type: none"> • Deferment of instalments for up to 6 months. • Applicable period: January to June 2025 2. Hire Purchase and Personal Loan / Financing-i <ul style="list-style-type: none"> • Deferment of instalments for up to 6 months. • Applicable period: January to June 2025 3. Credit Card/-i <ul style="list-style-type: none"> • Waiver of late payment charges and interest / actual management fee on affected credit card/-i up to a total of RM500, for up to 6 months. • Applicable period: January to June 2025 4. Waiver of replacement fees for ATM/Debit Card/-i /Credit Card/-i. <p><i>Note: The above relief measures are not applicable for loans/financing classified as non-performing (in arrears exceeding 90 days) or individuals under bankruptcy proceedings.</i></p>
<p>Apakah yang ditawarkan oleh program ini?</p>	<p><i>Pelan Bantuan Mangsa Banjir RHB menawarkan sokongan khusus kepada pelanggan individu yang terjejas akibat banjir di Malaysia yang memiliki mana-mana kemudahan berikut dengan RHB Bank Berhad atau RHB Islamic Bank Berhad:</i></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pinjaman/Pembiayaan Perumahan dan Pinjaman/Pembiayaan ASB / Pembiayaan Berjangka-i <ul style="list-style-type: none"> • <i>Penangguhan ansuran sehingga 6 bulan.</i> • <i>Tempoh: Januari hingga Jun 2025</i> 2. Sewa Beli dan Pinjaman Peribadi / Pembiayaan-i <ul style="list-style-type: none"> • <i>Penangguhan ansuran sehingga 6 bulan.</i> • <i>Tempoh: Januari hingga Jun 2025</i> 3. Kad Kredit/-i <ul style="list-style-type: none"> • <i>Pengecualian caj lewat bayar dan faedah/fi pengurusan sebenar sehingga RM500 untuk tempoh sehingga 6 bulan.</i>

	<ul style="list-style-type: none"> Tempoh: Januari hingga Jun 2025. <p>4. Pengecualian caj penggantian untuk Kad ATM/Debit/-i atau Kad Kredit/-i.</p> <p>Nota: Langkah-langkah bantuan ini tidak terpakai untuk pinjaman/pembiayaan yang diklasifikasikan sebagai tidak berprestasi (tertunggak melebihi 90 hari) atau individu di bawah prosiding kebangkrapan.</p>
<p>When do I need to apply by?</p> <p>Bilakah saya perlu memohon?</p>	<p>Applications must be submitted by 31 January 2025.</p> <p>Note: Submit your application as early as possible to ensure timely processing.</p> <p>Permohonan mesti dihantar sebelum 31 Januari 2025.</p> <p>Nota: Hantar permohonan anda secepat mungkin untuk memastikan pemprosesan dapat dilakukan tepat pada masanya.</p>
<p>How do I apply?</p> <p>Bagaimanakah cara memohon?</p>	<p>Customers can apply by:</p> <ul style="list-style-type: none"> Visiting the nearest branch, or Auto Finance Sales Centre, or Contacting Customer Contact Centre at (03) 9206 8118. <p>Note: All applications will be evaluated on a case-by-case basis. Please ensure that you provide the necessary documents to facilitate the assessment process.</p> <p>Pelanggan boleh memohon melalui:</p> <ul style="list-style-type: none"> Kunjungi cawangan RHB terdekat atau Pusat Jualan Auto Finance, atau Menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan di (03) 9206 8118. <p>Nota: Semua permohonan akan dinilai secara kes demi kes. Pastikan anda menyediakan dokumen yang diperlukan untuk memudahkan proses penilaian.</p>
<p>Can I apply for the RHB Flood Relief Programme if I have more than one financing facility with the bank?</p>	<p>Yes, you can apply for the RHB Flood Relief Assistance Programme for each eligible financing facility that you hold with RHB. Simply visit the nearest RHB branch, Auto Finance Sales Centre, or contact our Customer Contact Centre at (03) 9206 8118 to apply for each facility.</p>

<p>Bolehkah saya memohon Program Bantuan Mangsa Banjir RHB jika saya mempunyai lebih daripada satu kemudahan pembiayaan dengan bank?</p>	<p>Note: Each application will be evaluated on a case-by-case basis.</p> <p>Ya, anda boleh memohon Program Bantuan Mangsa Banjir RHB untuk setiap kemudahan pembiayaan yang layak anda miliki dengan RHB. Anda hanya perlu mengunjungi cawangan RHB terdekat, Pusat Jualan Auto Finance, atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami di (03) 9206 8118 untuk memohon bagi setiap kemudahan tersebut.</p> <p>Nota: Setiap permohonan akan dinilai secara kes demi kes.</p>
<p>What documents are required to apply for this programme?</p> <p>Apakah dokumen yang diperlukan untuk memohon program ini?</p>	<p>To apply for this programme, you will need to submit the following:</p> <ul style="list-style-type: none"> • A copy of your MyKad or passport • For Auto Finance/-i customers, if your mailing address is NOT listed in the National Disaster Management Agency (NADMA) list, you will also need to submit a police report or a photo of the affected vehicle. <p>Note: The NADMA list is regularly updated. For the latest information, please refer to this link: https://portalbencana.nadma.gov.my/ms/laporan</p> <p>Untuk memohon bagi program ini, anda perlu mengemukakan dokumen-dokumen berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Salinan MyKad atau pasport anda • Untuk pelanggan Auto Finance/-i, jika alamat surat-menyurat anda TIDAK disenaraikan dalam senarai Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), anda perlu menyediakan laporan polis atau gambar kenderaan yang terjejas. <p>Nota: Senarai NADMA dikemas kini secara berkala. Untuk maklumat terkini, sila layari pautan ini: https://portalbencana.nadma.gov.my/ms/laporan</p>
<p>How will I be informed about the status of my application?</p>	<p>Once your application has been processed, you will be notified of the outcome via a phone call or a Letter of Notification (LN) / Letter of Variation (LV) within seven (7) working days from the date of your application.</p>

<p>Bagaimanakah saya akan dimaklumkan mengenai status permohonan saya?</p>	<p>Anda akan dimaklumkan melalui panggilan telefon atau Surat Pemberitahuan (LN) / Surat Variasi (LV) dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja dari tarikh permohonan anda.</p>
<p>Who can I reach out to for further enquiries?</p> <p>Siapa yang boleh saya hubungi untuk pertanyaan lanjut?</p>	<p>For further enquiries, you can contact us through any of the following channels:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Visit the nearest RHB Branch or Auto Finance Sales Centre • Call our Customer Contact Centre at (03) 9206 8118 • Email us at customer.service@rhbgroup.com <p>Untuk pertanyaan lanjut, anda boleh menghubungi kami melalui mana-mana saluran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengunjungi cawangan RHB terdekat atau Pusat Jualan Auto Finance • Hubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami di (03) 9206 8118 • E-mel kepada kami di customer.service@rhbgroup.com
<p>Can I make changes to my application after submission?</p> <p>Bolehkah saya membuat perubahan pada permohonan saya selepas ia dihantar?</p>	<p>Once your application is submitted, any changes may require you to provide additional information or documents. Please contact RHB Customer Contact Centre or visit a branch for assistance if you need to make changes to your application.</p> <p>Selepas permohonan anda dihantar, sebarang perubahan mungkin memerlukan anda menyediakan maklumat atau dokumen tambahan. Sila hubungi Pusat Khidmat Pelanggan RHB atau kunjungi cawangan untuk mendapatkan bantuan jika anda perlu membuat perubahan pada permohonan anda.</p>
<p>Is there any impact on the interest/profit rate during the deferment period?</p> <p>Adakah terdapat kesan terhadap kadar faedah/profit semasa tempoh penangguhan?</p>	<p>The prevailing interest/profit rates for your financing facility will remain the same throughout the deferment period. However, please note that interest/profit will continue to accrue on the outstanding balance during the deferment period and will be payable once the deferment ends.</p> <p>Kadar faedah/profit semasa untuk kemudahan pembiayaan anda akan kekal sama sepanjang tempoh penangguhan. Walau bagaimanapun, sila ambil maklum bahawa faedah/profit akan terus terakru ke atas baki tertunggak semasa tempoh penangguhan dan perlu dibayar selepas tempoh tersebut tamat.</p>
<p>Will the deferment affect my loan tenure?</p>	<ul style="list-style-type: none"> • For Mortgage/ASB Loan/Financing / Term Financing-i: The tenure of your loan/financing will not be extended; however,

<p>Adakah penangguhan akan menjejaskan tempoh pinjaman saya?</p>	<p>the deferment period will be added to your repayment/payment schedule.</p> <ul style="list-style-type: none"> • For Hire Purchase/Personal Loan/Financing-i: Your loan / financing facility tenure will be extended accordingly to reflect the deferment period. • Untuk Pinjaman/Pembiayaan Perumahan/Pinjaman/Pembiayaan ASB/Pembiayaan Berjangka-i: Tempoh pinjaman/pembiayaan anda tidak akan dilanjutkan, tetapi tempoh penangguhan akan ditambah ke dalam jadual pembayaran anda. • Untuk Sewa Beli/Pinjaman Peribadi/Pembiayaan-i: Tempoh pinjaman / kemudahan pembiayaan anda akan dilanjutkan sewajarnya untuk mencerminkan tempoh penangguhan.
<p>Will I be charged any fees for participating in the programme?</p> <p>Adakah saya akan dikenakan bayaran untuk menyertai program ini?</p>	<p>For most facilities, there will be no additional fees for participating in the RHB Flood Relief Programme.</p> <p><i>Untuk kebanyakan kemudahan, tiada bayaran tambahan akan dikenakan untuk menyertai Program Bantuan Mangsa Banjir RHB.</i></p>
<p>What happens if I miss a payment during the deferment period?</p> <p>Apa yang berlaku jika saya terlepas pembayaran semasa tempoh penangguhan?</p>	<p>Missing payments during the deferment period may result in late payment charges, which will be added to your outstanding balance after the deferment period ends. If you have difficulty making payments, you should contact RHB immediately to discuss alternative arrangements.</p> <p><i>Terlepas pembayaran semasa tempoh penangguhan boleh menyebabkan caj lewat bayar, yang akan ditambah kepada baki tertunggak selepas tempoh penangguhan tamat. Jika anda menghadapi kesukaran membuat pembayaran, anda perlu menghubungi RHB segera untuk membincangkan penyelesaian alternatif.</i></p>
<p>Can I still make payments during the deferment period?</p>	<p>Yes, you may choose to make partial or full payments during the deferment period. However, please note that your payments will be applied to the accrued interest/profit first before reducing the principal amount.</p>

<p>Bolehkah saya masih membuat pembayaran semasa tempoh penangguhan?</p>	<p><i>Ya, anda boleh memilih untuk membuat pembayaran penuh atau sebahagian semasa tempoh penangguhan. Walau bagaimanapun, pembayaran anda akan digunakan terlebih dahulu untuk faedah/profit tertunggak sebelum mengurangkan jumlah pokok.</i></p>
<p>What happens after the deferment period ends?</p> <p>Apa yang akan berlaku selepas tempoh penangguhan tamat?</p>	<p>After the deferment period, you will resume making monthly payments as per your original repayment/payment schedule. Any accrued interest/profit during the deferment period will be payable as part of your monthly instalments.</p> <p><i>Selepas tempoh penangguhan tamat, anda akan meneruskan pembayaran bulanan seperti jadual asal anda. Sebarang faedah/profit tertunggak semasa tempoh penangguhan akan dibayar sebagai sebahagian daripada ansuran bulanan anda.</i></p>
<p>How does the credit card payment waiver work?</p> <p>Bagaimana cara pengecualian pembayaran kad kredit berfungsi?</p>	<p>For Credit Card/-i holders, RHB offers up to six (6) months' waiver on late payment charges and interest/profit (or actual management fee) up to a total of RM500 during the deferment period. This waiver applies from January to June 2025.</p> <p><i>Untuk pemegang Kad Kredit/-i, RHB menawarkan pengecualian sehingga enam (6) bulan untuk caj lewat bayar dan faedah/keuntungan (atau fi pengurusan sebenar) sehingga jumlah maksimum RM500 semasa tempoh penangguhan. Pengecualian ini terpakai dari Januari hingga Jun 2025.</i></p>
<p>What if my loan/financing facility is in arrears for more than 90 days?</p> <p>Bagaimana jika kemudahan pinjaman/pembiayaan saya tertunggak lebih dari 90 hari?</p>	<p>The RHB Flood Relief Assistance Programme is not applicable to loans/financing that are in arrears for more than 90 days or for individuals who are under a bankruptcy charge. If your account is in arrears, please contact RHB for alternative solutions.</p> <p><i>Program Bantuan Mangsa Banjir RHB tidak terpakai untuk pinjaman/pembiayaan yang tertunggak lebih daripada 90 hari atau untuk individu di bawah prosiding kebangkrapan. Jika akaun anda tertunggak, sila hubungi RHB untuk penyelesaian alternatif.</i></p>
<p>Can I apply for the Flood Relief Programme if my financing facility is with RHB Islamic?</p>	<p>Yes, you can apply for the RHB Flood Relief Programme if your financing facility is with RHB Islamic. The terms for Islamic facilities are similar to conventional financing, and you may apply following the same process.</p>

<p>Bolehkah saya memohon Program Bantuan Mangsa Banjir jika kemudahan pembiayaan saya adalah bersama RHB Islamic?</p>	<p><i>Ya, anda boleh memohon Program Bantuan Mangsa Banjir RHB jika kemudahan pembiayaan anda adalah dengan RHB Islamic. Terma untuk pembiayaan Islamik adalah serupa dengan pembiayaan konvensional, dan anda boleh memohon mengikut proses yang sama.</i></p>
--	---

For SME Customers / Untuk Pelanggan SME

<p>What is RHB Flood Relief Assistance Programme (RHB FRAP)?</p> <p>Apakah Program Bantuan Mangsa Banjir RHB (RHB FRAP)?</p>	<p>The RHB Flood Relief Assistance Programme (RHB FRAP) is designed to provide short-term financial relief to SME customers impacted by floods. It includes options such as deferment of payments for loans, financing, overdrafts, and trade facilities to ease immediate financial strain.</p> <p><i>Program Bantuan Mangsa Banjir RHB (RHB FRAP) direka untuk memberikan bantuan kewangan jangka pendek kepada pelanggan PKS yang terjejas akibat banjir. Program ini merangkumi pilihan seperti penangguhan pembayaran untuk pinjaman, pembiayaan, overdraf, dan kemudahan perdagangan bagi mengurangkan tekanan kewangan segera.</i></p>
<p>What is the objective?</p> <p>Apakah objektif program ini?</p>	<p>The programme aims to support SME customers by offering short-term financial relief to help them recover from flood-related disruptions. While the programme reduces immediate financial pressure, it is important to note that it may result in higher overall financing costs due to accrued interest or profit during the relief period.</p> <p><i>Program ini bertujuan untuk menyokong pelanggan PKS dengan menyediakan bantuan kewangan jangka pendek bagi membantu mereka pulih daripada gangguan yang berkaitan dengan banjir. Walaupun program ini dapat mengurangkan tekanan kewangan segera, perlu diingat bahawa ia mungkin menyebabkan kos pembiayaan keseluruhan yang lebih tinggi kerana faedah atau keuntungan yang terakru semasa tempoh bantuan.</i></p>
<p>Is my business eligible for this programme?</p>	<p>SMEs are eligible if they are RHB customers with any of the following facilities:</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Hire Purchase and Term Loan / Financing ● Overdraft/-i

<p>Adakah perniagaan saya layak untuk program ini?</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Multi Trade Lines/-i <p>Additionally, to be eligible, your business must meet the following criteria:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Be located in areas affected by natural disasters as verified by the National Disaster Management Agency (NADMA) or other relevant authorities. ii. Have financing accounts in good standing (not in arrears exceeding 90 days). iii. Not be under legal proceedings such as bankruptcy or winding-up petitions. <p><i>PKS layak jika mereka adalah pelanggan RHB dengan mana-mana kemudahan berikut:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> • Sewa Beli dan Pinjaman Berjangka / Pembiayaan-i • Overdraft/-i • Multi Trade Lines/-i <p><i>Selain itu, untuk layak, perniagaan anda mesti memenuhi kriteria berikut:</i></p> <ol style="list-style-type: none"> i. <i>Terletak di kawasan yang terjejas akibat bencana alam seperti yang disahkan oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) atau pihak berkuasa berkaitan.</i> ii. <i>Mempunyai akaun pembiayaan yang berada dalam keadaan baik (tidak tertunggak melebihi 90 hari).</i> iii. <i>Tidak berada di bawah prosiding undang-undang seperti kebangkrapan atau petisyen pembubaran.</i>
<p>What does the programme offer to SMEs?</p>	<p>The programme provides relief for SME customers through the following options:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Hire Purchase and Term Loan / Financing <ul style="list-style-type: none"> • Up to 6 months' deferment of instalments • Deferment period: January to June 2025 • Your loan / financing facility tenure will be extended by 6 months to reflect the deferment period. 2. Overdraft/-i <ul style="list-style-type: none"> • Up to 6 months' deferment on accrued interest/ profit for Overdraft/-i • Waiver Period: January to June 2025

<p>Apakah yang ditawarkan oleh program ini kepada PKS?</p>	<p>3. Multi Trade Lines/-i</p> <ul style="list-style-type: none"> Up to 6 months' deferment of bills due under Trade Facilities Waiver Period: January to June 2025 <p>Important Notes:</p> <ol style="list-style-type: none"> The relief measures are not applicable to non-performing loans/financing accounts, i.e., facilities that are in arrears for more than 90 days. This programme does not apply to businesses under legal action, such as winding-up or bankruptcy proceedings. <p>Program ini menyediakan bantuan berikut kepada pelanggan PKS:</p> <p>1. Sewa Beli dan Pinjaman Berjangka / Pembiayaan-i</p> <ul style="list-style-type: none"> Penangguhan ansuran sehingga 6 bulan Tempoh penangguhan: Januari hingga Jun 2025 Tempoh pembiayaan/pinjaman akan dilanjutkan 6 bulan untuk mencerminkan tempoh penangguhan <p>2. Overdraft/-i</p> <ul style="list-style-type: none"> Penangguhan faedah/keuntungan terakru sehingga 6 bulan Tempoh pengecualian: Januari hingga Jun 2025 <p>3. Multi Trade Lines/-i</p> <ul style="list-style-type: none"> Penangguhan bil tertunggak sehingga 6 bulan Tempoh pengecualian: Januari hingga Jun 2025 <p>Nota Penting:</p> <ol style="list-style-type: none"> Langkah-langkah bantuan ini tidak terpakai untuk akaun pembiayaan/pinjaman yang tidak berprestasi, iaitu kemudahan yang tertunggak lebih daripada 90 hari. Program ini tidak terpakai kepada perniagaan yang berada di bawah tindakan undang-undang seperti petisyen pembubaran atau kebangkrutan.
<p>When do I need to apply by?</p> <p>Bilakah tarikh akhir untuk memohon?</p>	<p>Applications must be submitted by 31 January 2025.</p> <p>Permohonan mesti dimajukan selewat-lewatnya pada 31 Januari 2025.</p>
<p>How do I apply for the programme?</p>	<p>SME customers can apply by:</p> <ul style="list-style-type: none"> Visiting the nearest Business Banking Centre, or

<p>Bagaimana cara memohon program ini?</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Contacting your Relationship Manager or calling the RHB Customer Contact Centre at (03) 9206 8118. <p>Note: Applications will be evaluated on a case-by-case basis, and additional documents may be required depending on your business's circumstances.</p> <p>Pelanggan PKS boleh memohon melalui:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengunjungi Pusat Perbankan Perniagaan RHB terdekat, atau • Menghubungi Pengurus Perhubungan anda atau Pusat Khidmat Pelanggan RHB di (03) 9206 8118. <p>Nota: Semua permohonan akan dinilai secara kes demi kes, dan dokumen tambahan mungkin diperlukan bergantung kepada keadaan perniagaan anda.</p>
<p>What documents do I need to prepare to apply?</p> <p>Apakah dokumen-dokumen yang perlu disediakan untuk memohon?</p>	<p>You will need the following:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Self-declaration stating that your business was affected by the floods. • Proof of disaster impact (e.g., picture evidence of flood-damaged business premises, police report, or verification from NADMA if the business location is not listed). • Business registration documents (e.g., SSM forms or equivalent). <p>Note: The NADMA list is updated regularly. For more details, visit their portal.</p> <p>Anda perlu menyediakan dokumen berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengisytiharan sendiri yang menyatakan perniagaan anda terjejas akibat banjir. • Bukti kesan bencana (contohnya, gambar kerosakan premis perniagaan, laporan polis, atau pengesahan daripada NADMA jika lokasi perniagaan tidak disenaraikan). • Dokumen pendaftaran perniagaan (contohnya, borang SSM atau setaraf). <p>Nota: Senarai NADMA dikemas kini secara berkala. Untuk maklumat lanjut, kunjungi portal mereka.</p>
<p>Can my business apply if we have</p>	<p>Yes, your business can apply for the RHB Flood Relief Assistance Programme for each eligible financing facility. Kindly ensure you submit a separate application for each facility. Please:</p>

<p>multiple financing facilities with RHB?</p> <p><i>Bolehkah perniagaan saya memohon jika kami mempunyai pelbagai kemudahan pembiayaan dengan RHB?</i></p>	<ul style="list-style-type: none"> • Visit the nearest Business Banking Centre, or • Contact your Relationship Manager. <p>Note: <i>All applications will be evaluated on a case-by-case basis.</i></p> <p><i>Ya, perniagaan anda boleh memohon Program Bantuan Mangsa Banjir RHB untuk setiap kemudahan pembiayaan yang layak. Sila pastikan anda menghantar permohonan berasingan bagi setiap kemudahan tersebut. Sila:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Mengunjungi Pusat Perbankan Perniagaan terdekat, atau</i> • <i>Hubungi Pengurus Perhubungan anda.</i> <p>Nota: <i>Semua permohonan akan dinilai secara kes demi kes.</i></p>
<p>Will I be required to sign any documents for approval?</p> <p><i>Adakah saya perlu menandatangani sebarang dokumen untuk kelulusan?</i></p>	<p>Yes, depending on the facility, you may need to sign a Letter of Variation (LV) or other related documents to formalise the deferment or changes in repayment terms.</p> <p><i>Ya, bergantung kepada kemudahan yang dipohon, anda mungkin perlu menandatangani Surat Variasi (LV) atau dokumen berkaitan lain untuk memformalkan penangguhan atau perubahan terma pembayaran.</i></p>
<p>How will I know the status of my application?</p> <p><i>Bagaimana saya akan dimaklumkan mengenai status permohonan saya?</i></p>	<p>You will be notified of your application status within seven (7) working days from the date of application through:</p> <ul style="list-style-type: none"> • A phone call, or • A Letter of Notification (LN) or Letter of Variation (LV) <p><i>Anda akan dimaklumkan tentang status permohonan anda dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja selepas tarikh permohonan melalui:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Panggilan telefon, atau</i> • <i>Surat Pemberitahuan (LN) atau Surat Variasi (LV).</i>
<p>Who can I contact for further assistance?</p> <p><i>Siapa yang boleh saya hubungi untuk mendapatkan bantuan lanjut?</i></p>	<p>For further assistance, you may:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Visit the nearest RHB branch or Business Banking Centre. • Contact your Relationship Manager. • Call the RHB Customer Contact Centre at (03) 9206 8118. • Email SME Help Desk at SME.collection@rhbgroup.com <p><i>Untuk bantuan lanjut, anda boleh:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Mengunjungi cawangan RHB atau Pusat Perbankan Perniagaan terdekat.</i> • <i>Hubungi Pengurus Perhubungan anda.</i>

	<ul style="list-style-type: none"> • Hubungi Pusat Khidmat Pelanggan RHB di (03) 9206 8118. • E-mel ke Meja Bantuan PKS di SME.collection@rhbgroup.com
<p>Will my business's loan tenure be affected by the deferment?</p> <p><i>Adakah tempoh pembiayaan perniagaan saya akan terjejas oleh penangguhan?</i></p>	<p>Yes, the deferment period may affect your loan tenure:</p> <ul style="list-style-type: none"> • For Business Term Loan/Financing-i and Auto Financing: the tenure may be extended by up to 6 months to accommodate the deferment. • For Overdraft/Cashline-i and Trade Facilities: Repayment adjustments will depend on the specific facility terms, and you will be informed of any changes. <p><i>Ya, tempoh penangguhan mungkin menjejaskan tempoh pembiayaan anda:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> • Untuk Pinjaman Berjangka Perniagaan/Pembiayaan-i dan Auto Financing: Tempoh pembiayaan/pinjaman boleh dilanjutkan sehingga 6 bulan. • Untuk Overdraft/Cashline-i dan Kemudahan Perdagangan: Pelarasan pembayaran akan bergantung pada terma kemudahan tertentu, dan anda akan dimaklumkan tentang sebarang perubahan.
<p>Will there be any interest/profit or charges accrued during the deferment?</p> <p><i>Adakah faedah/keuntungan atau caj akan terakru semasa tempoh penangguhan?</i></p>	<p>Yes, interest/profit will continue to accrue on your outstanding balance during the deferment period. These accrued amounts will be included in your repayment schedule after the deferment ends.</p> <p><i>Ya, faedah/keuntungan akan terus terakru ke atas baki tertunggak semasa tempoh penangguhan. Jumlah yang terakru ini akan dimasukkan ke dalam jadual pembayaran anda selepas tempoh penangguhan tamat.</i></p>
<p>Can my business make repayments during the deferment period?</p> <p><i>Bolehkah perniagaan saya membuat pembayaran</i></p>	<p>Yes, your business can make partial or full repayments during the deferment period. Doing so may reduce the overall interest/profit accrued during the deferment.</p> <p><i>Ya, perniagaan anda boleh membuat pembayaran penuh atau sebahagian semasa tempoh penangguhan. Ini dapat mengurangkan faedah/keuntungan keseluruhan yang terakru semasa tempoh tersebut.</i></p>

<p>semasa tempoh penangguhan?</p>	
<p>What happens if my business is unable to resume payments after the deferment ends?</p> <p><i>Apa yang akan berlaku jika perniagaan saya tidak dapat meneruskan pembayaran selepas tempoh penangguhan tamat?</i></p>	<p>If your business continues to face financial difficulties, please contact your Relationship Manager or the RHB Customer Contact Centre immediately to discuss alternative arrangements.</p> <p><i>Jika perniagaan anda terus menghadapi kesukaran kewangan, sila hubungi Pengurus Perhubungan anda atau Pusat Khidmat Pelanggan RHB dengan segera untuk membincangkan penyelesaian alternatif.</i></p>
<p>Are there any fees associated with applying for the programme?</p> <p><i>Adakah terdapat caj untuk memohon program ini?</i></p>	<p>No additional fees will be charged for applying to the RHB Flood Relief Assistance Programme. However, accrued interest/profit during the deferment period will be payable as part of your repayment schedule.</p> <p><i>Tiada caj tambahan akan dikenakan untuk memohon Program Bantuan Mangsa Banjir RHB. Walau bagaimanapun, faedah/keuntungan yang terakru semasa tempoh penangguhan perlu dibayar sebagai sebahagian daripada jadual pembayaran anda.</i></p>

For Insurance Customers / Untuk Pelanggan Insurans

<p>Who should I contact for my flood insurance claims?</p> <p><i>Siapa yang harus saya hubungi untuk tuntutan insurans banjir?</i></p>	<p>You can contact us via the following channels:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Motor claims: Call 1300 880 881 • Non-motor claims: Call 03-7989 0310 • WhatsApp: Message us at 012-603 1978 <p><i>Anda boleh menghubungi kami melalui saluran berikut:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> • Tuntutan motor: Hubungi 1300 880 881 • Tuntutan bukan motor: Hubungi 03-7989 0310 • WhatsApp: Hantar mesej ke 012-603 1978
--	--

<p>What documents do I need to submit to facilitate the claims for my car?</p> <p><i>Dokumen apakah yang perlu saya kemukakan untuk memudahkan tuntutan bagi kereta saya?</i></p>	<p>Please provide the following documents to the workshop handling your vehicle:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Copy of your National Registration Identity Card (MyKad) • Vehicle registration card - Waived • Cover note - Waived • Police report – Waived • Driving license – Waived <p><i>Sila kemukakan dokumen-dokumen berikut kepada bengkel yang mengendalikan kenderaan anda:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> • Salinan Kad Pengenalan anda (MyKad) • Kad pendaftaran kenderaan - Dikecualikan • Nota perlindungan - Dikecualikan • Laporan polis - Dikecualikan • Lesen memandu – Dikecualikan
<p>What documents do I need to submit to facilitate the claims for my house?</p> <p><i>Dokumen apakah yang perlu saya kemukakan untuk memudahkan tuntutan bagi rumah saya?</i></p>	<p>Once we receive your flood notification through our claims hotline or WhatsApp, our appointed adjuster will contact you to guide you through the process.</p> <p><i>Apabila kami menerima pemberitahuan banjir anda melalui talian tuntutan atau WhatsApp, penilai yang dilantik akan menghubungi anda untuk membimbing anda melalui proses tersebut.</i></p>
<p>Does my house insurance policy cover the clean-up costs?</p> <p><i>Adakah polisi insurans rumah saya melindungi kos pembersihan?</i></p>	<p>Cleaning costs for insured properties affected by the flood may be covered, subject to the terms, conditions, and entitlements of your policy. This applies to Houseowner and Fire insurance policies with flood extension coverage.</p> <p>Please contact us for further assistance regarding your specific policy.</p> <p><i>Kos pembersihan untuk hartanah yang diinsuranskan yang terjejas akibat banjir mungkin dilindungi, tertakluk kepada terma, syarat, dan kelayakan polisi anda. Ini terpakai kepada polisi Houseowner dan Fire dengan perlindungan tambahan banjir.</i></p> <p><i>Sila hubungi kami untuk mendapatkan bantuan lanjut mengenai polisi khusus anda.</i></p>

Where can I get more information about this programme?

Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai program ini?

For more details, please click [here](#).

Untuk maklumat lanjut, sila klik di [sini](#).